



# KENYATAAN MEDIA

## **MENGENAI KES IPIC DI MAHKAMAH UNITED KINGDOM (BERIKUTAN LAPORAN SARAWAK REPORT BERTARIKH 2 OGOS 2020)**

Jabatan Peguam Negara ingin mengesahkan bahawa buat masa ini, tiada tindakan untuk memberhentikan prosiding Mahkamah di London terhadap IPIC yang telah diambil untuk membatalkan Perjanjian Penyelesaian antara 1MDB dan IPIC yang dimasukkan dalam tahun 2017.

Kerajaan sentiasa bersifat terbuka untuk menimbang sebarang penyelesaian sekiranya terdapat tawaran yang sejajar dengan prinsip dan tanggungjawab Kerajaan Malaysia, iaitu untuk memastikan aset-aset negara dipulangkan dan pada masa yang sama keadilan ditegakkan.

Sehubungan itu, perbincangan sentiasa dilakukan antara kedua-dua Kerajaan, termasuk sewaktu Kerajaan Pakatan Harapan dan juga kerajaan kini. Perbincangan ini hanya melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) tanpa penglibatan mana-mana pihak lain.

Tan Sri Idrus bin Harun  
Peguam Negara  
4 Ogos 2020